

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 Julai 2007

SOALAN

Y.B. Dato' Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dalam negara dan senaraikan mengikut negeri serta nyatakan perancangan Kementerian terhadap PDK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dan prihatin dalam memastikan pembangunan dan kesejahteraan OKU. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan program pembangunan komuniti dimana aktiviti pencegahan, pemulihan dan pembangunan dilaksanakan kepada OKU dengan penglibatan aktif ibu bapa , keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh agensi berkaitan supaya OKU dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat . Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Disember 2006, terdapat 364 buah PDK di seluruh negara yang memberi manfaat kepada 9,260 OKU. Beberapa perancangan telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi manfaat kepada OKU khususnya dan Ibubapa OKU amnya, seperti berikut :- a) Pengembangan dan Perluasan Program Setiap tahun peruntukan disediakan untuk pewujudan 20 PDK baru bagi memenuhi permintaan daripada komuniti yang terus meningkat. b) Memantapkan Perkhidmatan Pekerja PDK i) Perkembangan Kerjaya Pekerja PDK Pekerja PDK memainkan peranan penting dalam pemulihan OKU. Oleh itu kompetensi , kemahiran dan pengiktirafan Pekerja PDK perlu dipertingkatkan melalui peluang melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma dan ijazah dalam bidang pendidikan khas atau yang setaraf dengannya . ii) Penambahan Elaun Pekerja PDK Taraf jawatan pekerja PDK adalah bertaraf sambilan dan dibayar elaun maksimum RM 500.00 sebulan. Kadar elaun yang diterima kini kurang setimpal berbanding beban tugas mereka. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian mencadangkan satu Skim Khas Pekerja PDK yang mampu menjamin masa depan pekerja PDK disamping mengatasi masalah pemberhentian dan kehilangan pekerja PDK yang berpengalaman. c) PDK 'One Stop Centre' Peranan PDK sedia ada diperluaskan lagi untuk berfungsi sebagai :- i. Pusat Intervensi Awal OKU; ii. Pusat Sumber Maklumat OKU; iii. Pusat Rujukan OKU; iv. Pusat Pendaftaran OKU; dan v. Pusat Advokasi OKU. d) PDKNet PDKnet mula diperkenalkan sebagai projek perintis di 4 buah PDK di negeri Melaka mulai tahun 2003 untuk meningkatkan penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pemulihan OKU. Ia juga diwujudkan bagi menghubungkan PDK kepada agensi-agensi berkaitan OKU serta menggalakkan perhubungan elektronik diantara OKU, Ibu bapa OKU, Pekerja PDK, Jawatankuasa PDK serta masyarakat setempat. Terkini, pihak yang membiayai projek ini iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui DAGS (Demonstrate Application Grant Scheme) telah pun meluluskan permohonan JKJ untuk meluaskan projek ini ke semua 17 PDK di negeri Melaka pada tahun 2007. e) Pemantapan Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Pihak Kementerian turut merancang untuk terus memantapkan lagi Program PDK melalui penambahbaikan perkara-perkara berikut :- i) Kenaikan geran sewa premis; ii) Kenaikan Elaun OKU di PDK dari RM50.00 sebulan kepada RM150.00 sebulan; iii) Penambahan geran bagi pembelian peralatan / alat kelengkapan PDK; dan iv) Penambahan geran aktiviti / penganjuran program di Pusat PDK. f) Khidmat Sokongan / Perkongsian Bijak Pihak Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) untuk menyediakan kepakaran dan sukarelawan Japan Overseas Council of Volunteers (JOCV) dalam bidang khusus iaitu Jurupulih Cara Kerja, Jurupulih Anggota, Guru Pendidikan Khas dan Pekerja Sosial untuk berkhidmat di PDK seluruh negara . Bagi meluaskan lagi perkhidmatan sokongan seperti ini, Kementerian bercadang untuk memperluaskan rangkaian kerjasama serta menjalinkan perkongsian bijak dengan pihak swasta / syarikat tertentu yang dapat menyediakan khidmat kepakaran pemulihan yang diperlukan.

